

BAB I PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan

Al-Jam'iyatul Washliyah¹ sebuah organisasi kemasyarakatan yang didirikan di Medan, Sumatera Utara pada tarikh 30 Disember 1930, yang ditaja oleh para pelajar Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT).² Organisasi ini fokus utamanya dalam bidang pendidikan dan dakwah. Organisasi tersebut paling aktif menyiarkan dakwah Islam melalui pendidikan dengan mendirikan madrasah (*sekolah agama*) dan sekolah umum.³ Selain itu, terdapat aktiviti-aktiviti selain pendidikan dan dakwah yang dijalankan iaitu:

1. Bidang ekonomi untuk meningkatkan kesejahteraan umat melalui pembinaan dan pengembangan ekonomi masyarakat, seperti mendirikan Bank *Syariah Al-Washliyah*.
2. Bidang politik untuk menjaga kesejahteraan dan kemajuan bangsa.
3. Bidang agama untuk mendirikan rumah ibadah seperti masjid, lembaga pendidikan dan asrama untuk anak yatim dan orang-orang miskin. Bidang keilmuan untuk mengadakan seminar-seminar ilmiah dan keterampilan.⁴

Al-Jam'iyatul Washliyah merupakan organisasi keagamaan yang bermazhab⁵ Syafi'i⁶ dan berfahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah⁷ sebagai iktikad al-Washliyah.⁸

¹ Ungkapan kata Al-Jam'iyatul Washliyah di singkat dengan nama Al-Washliyah. Lihat: Syahrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2005), *Pendidikan Ke Al-Washliyah*, Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 4.

² *Al-Djamijatoel Washlijah Congres ke III dan Jubileum 10 tahoen 1941* Medan: Congres Al-Djamijatoel Washlijah 1941, h. 17.

³ Chalidjah Hasanuddin (1988), *Al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam*, cet. 1, Bandung: Pustaka, h. 1.

⁴ *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Washliyah* (1997), Jakarta : PB Al-Jam'iyatul Washliyah, Bab 1, fasal 6, tentang Tingkat Pimpinan, h. 4-5.

⁵ Mazhab bermaksud jalan, jadi dalam Islam istilah mazhab secara umum digunakan untuk dua tujuan ; di pandang dari sudut akidah (masalah tauhid) dan dari sudut fiqih (masalah hukum). Lihat: Hafiz Firdaus Abdullah (2008), *Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam*, Johor Bharu: Bin Halabi Press, h. 10.

Organisasi ini sangat aktif dalam menjalankan fungsinya sebagai penghubung umat khususnya umat Islam, meskipun berlainan fahaman seperti masalah hukum *furu'* Syariat, para alumni Al-Jam'iyatul Washliyah ramai yang terlibat sebagai tenaga pengajar di lembaga-lembaga pendidikan selain institusi-institusi tajaan Al-Washliyah antaranya Universiti Sumatera Utara (USU), Universiti Al-Washliyah (UNIVA), Institut Agama Islam Negeri (IAIN) dan Perguruan Tinggi lain.

Sistem pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mengikuti sistem Kementerian Pendidikan tajaan kerajaan Indonesia yang dikenali sebagai SKB 3 Menteri yang mana pola ini diterapkan di madrasah-madrasah tajaan al-Washliyah.⁹ Peranaan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam setakat ini memberikan sumbangan yang positif di Medan dan di luar Medan. Dengan ini, al-Washliyah telah mengeluarkan sarjana-sarjana Islam yang memiliki ilmu pengetahuan di bidang ilmu agama mahupun di bidang akademik (umum), yang bersesuaian dengan kemajuan era globalisasi tanpa mengabaikan kemajuan sains dan teknologi.

⁶ Mazhab Syafi'i iaitu; hukum-hukum yang dikeluarkan Imam Syafi'i dari al-Quran dan al-Hadis. Lihat: *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, h. 351.

⁷ Ahli al-Sunnah Wa al-Jama'ah iaitu; kaum yang mengikut ajaran Allah dan ajaran Rasul S.W.T. serta mengikuti faham dan ajaran para sahabat Nabi Muhammad S.A.W. Untuk keterangan lanjut lihat: Abd.Karim A.B. Nasution (1984), *Ahlussunnah Waljama'ah*, Sumatera Utara:Yayasan Ibnu Syekh Ahmad Zein, h. 3.

⁸ *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Washliyah* (1997), *op. cit.*, Bab 1, fasal 2, tentang Tujuan, h. 4.

⁹ Surat Keputusan Bersama 3 Menteri, Kementerian Agama Nombor 6 tahun 1975, Kementerian Pendidikan Nasional Nombor 037/u/1975 dan Kementerian Dalam Negeri Nombor 36 tahun 1975. Lihat: Alamsyah (1982), *Pembinaan Pendidikan Agama*, Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia, h. 13.

1.1. Latar Belakang Masalah

Sejarah penubuhan organisasi Islam al-Jam'iyatul Washliyah mempunyai latar belakang yang panjang. Ianya bermula dari orang-orang Mandailing.¹⁰ (Etnik Tapanuli Selatan)¹¹ yang merantau ke Medan (dulu disebut Sumatera Timur)¹² yang merasa tertekan dengan kaum perantau lain iaitu dari Minangkabau (Sumatera Barat).¹³ Kedua-dua kelompok ini mempunyai adat yang berbeza.

Kelompok etnik Minangkabau, sebahagian besar adalah pemeluk Islam moden yang memiliki tradisi matrilinear (garis keturunan ibu) yang kuat, terutama dalam hal suksesi, pewarisan, identiti, legitimasi dan mereka mempunyai kecenderungan untuk merantau. Sementara itu, kelompok etnik Mandailing merupakan sebahagian besar muslim konservatif (*ortodoks*) yang memiliki tradisi patrilinear (garis keturunan ayah) yang kuat dalam hal suksesi, pewarisan, identiti dan legitimasi serta lebih cenderung untuk melakukan perluasan teritorial.¹⁴

Muhammadiyah,¹⁵ merupakan salah satu organisasi keagamaan yang bergerak dalam bidang pendidikan dan dakwah. Organisasi Muhammadiyah yang didirikan oleh

¹⁰ Suku kaum yang terletak di daerah Tapanuli Selatan wilayah Sumatera Timur, Bandaraya Medan. Lihat: Usman Pelly (1994), *Urbanisasi dan Adaptasi, Peranan Misi Budaya Minangkabau dan Mandailing*, Jakarta: LP3ES, h. 6.

¹¹ Castles Lance (1972), *The political life of a Sumatran Residency: Tapanuli 1915-1940*, Michigan: Yale University, h. 227.

¹² Daerah Istimewa Sumatera Timur resmi berdiri sebagai daerah Otonomi 17 Ogos 1950. Lihat: Dada Meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, Medan: Sasterawan, h. 40.

¹³ Terletak di daerah Sumatera Barat, (Padang), suku (kaum) Minangkabau adalah suku utamanya terdiri dari puak Gutji, Djambak, Koto, Piliang, Chaniago, Tandjung, Sikumbang dan Melayu. Lihat: Pantra (1969), *Almanak Sumatera*, Medan: Komando Antar Daerah Sumatera, h. 110.

¹⁴ Usman Pelly (1994), *op. cit.*, h. 195.

¹⁵ Muhammadiyah iaitu: gerakan pembaruan Islam di Indonesia, aliran ini berkembang pesat di Sumatera Timur oleh ulama-ulama Sumatera Barat yang menuntut ilmu di Timur Tengah seperti Syeikh Muhammad Jamil Jambik (1860-1947), beliau belajar di Makkah. Untuk keterangan lanjut riwayat hidup beliau lihat: Mahmud Junus (1960), *Sedjarah Pendidikan Islam*, Djakarta: Pustaka Mahmudiah, h. 141-142.

KH. Ahmad Dahlan¹⁶ pada tanggal 18 November 1912 di Yogyakarta.¹⁷ Pendirian gerakan Muhammadiyah ialah menolak sebarang unsur yang bersifat *bid'ah*¹⁸ dan *khurafat*.¹⁹ Dalam hal ini, amal ibadah salah satu unsur yang *fundamental* (mendasar) daripada penolakan tersebut diwujudkan dalam bentuk konsepsi dan amaliyah nyata bagi memurnikan ajaran keagamaan dengan mengembalikan autoriti al-Qur'an dan al-Hadis sebagai sumber primer (utama).²⁰

Menurut Deliar Noer, beliau menyatakan Muhammadiyah yang berdiri di Sumatera Timur, pada umumnya masyarakat Sumatera Timur bermadzhab Syafi'i, munculnya golongan tidak terikat dari satu madzhab, organisasi ini yang dikenal dengan Kaum Muda (aliran Muhammadiyah). Kelompok golongan ini hanya memakai sumber hukum utama iaitu: al-Qur'an dan al-Hadis.²¹

Menurut M. Djindar Tamimy, beliau menyatakan bahawa pemikiran Muhammadiyah semuanya berdasarkan pandangan dan pemikiran Ibn Taimiyyah yang telah digariskan oleh Muhammadiyah sebagai sendi *taklid*.²² Hal ini kerana, organisasi ini berusaha mengembalikan pelaksanaan agama Islam menurut contoh Nabi secara *itba'* (mengikut). Jadi menurut keyakinan mereka Islam yang murni adalah

¹⁶ Kiyai Hj. Ahmad Dahlan dilahirkan Jogjakarta pada tahun 1868 M, merupakan pengasas Muhammadiyah di Jogjakarta. Lihat: Sutrisno Kutojo dan Mardanas Safwan, (t.t), *K.H. Ahmad Dahlan Riwayat Hidup Dan Perjuangannya*, Bandung: Angkasa, h. 6.

¹⁷ *Ibid.*, h. 32.

¹⁸ *Bid'ah* iaitu: perkara yang diada-adakan dalam agama dan tidak mempunyai asas dalam *syariat*, ianya adalah dicela. Adapun perkara baru yang wujud asasnya maka tidak dicela. Lihat: Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto (1998), *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*, Mohd Asri bin Hj. Hashim, *et al* (terj), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 303.

¹⁹ Perkataan *khurafat* berasal dari bahasa Arab yang mengandungi maksud; suatu perkara yang menyimpang dari akal atau perkara pelik. Lihat: Al-Tahir Ahmad al-Zawi (1983), *Mukhtar al-Qamus*, Beirut: Dar al-Arabiah, h. 177.

²⁰ Azyumardi Azra (1990), *Mengkaji Ulang Modernisme Muhammadiyah*, dalam harian Kompas, Juma'at, 9 November 1990.

²¹ Deliar Noer (1973), *The Modernist Muslim Movement In Indonesia 1900-1942*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 95.

²² *Taklid* iaitu; tindakan mengikut sesuatu pendapat agama tanpa memperhatikan dalil dan hujjah. Untuk maklumat lanjut lihat: Hafiz Firdaus Abdullah (2008), *op. cit.*, h. 158-164.

keyakinan dan amalan ibadah yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadis.²³ Pada awalnya, masyarakat Sumatera Utara belum boleh menerima terhadap kedatangan faham Muhammadiyah, kerana dianggap tidak terikat dengan madzhab.

Sedangkan kondisi sosial masyarakat pada saat itu mengikuti kepada madzhab syafi'i (*Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah*). Akan tetapi lama-kelamaan masyarakat Sumatera Timur boleh menerima faham Muhammadiyah disebabkan kerana perbezaan pendapat (*madzhab*) mereka menganggap merupakan hal yang biasa (*furu' Syariat*). Hal itu, terbukti dengan berdirinya cawangan Muhammadiyah di Medan sebagai cawangan pertama di Sumatera Utara dan berdiri juga cawangan Muhammadiyah selain Sumatera Timur. Pada abad 20-an organisasi Muhammadiyah mengalami perkembangan pesat hampir seluruh Indonesia.²⁴

Dengan berkembangnya Muhammadiyah yang mulai pesat di Sumatera Timur di bidang pendidikan, lembaga tersebut ramai dikunjungi pelajar-pelajar di banding sekolah Mandailing dan Melayu. Akibat keberhasilan pendidikan Muhammadiyah, kondisi boleh membawa konflik di kalangan masyarakat di antara Islam moden dan konservatif. Maka masyarakat Sumatera Utara khususnya Medan (Perantau Mandailing) mulai memikirkan akan perbezaan pandangan itu sehingga pada tahun 1918 perantau Mandailing (Tapanuli Selatan) mendirikan lembaga pendidikan yang diberi nama Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT).²⁵

²³ M.Djindar Tamimy (19981), *Pokok-Pokok Pengertian Tentang Agama Islam*. Yogyakarta: Pimpinan Pusat Muhammadiyah, h. 5-6.

²⁴ *Profil Muhammadiyah* (2000), Yogyakarta: PP Muhammadiyah, h. 7.

²⁵ Usman Pelly (1994), *op. cit.*, h. 184.

Sistem pembelajaran di Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) serupa dengan pengajian tradisional di pondok pesantren yang mana lebih mengutamakan sistem hafazan dan semua pelajaran dengan metode hafazan. Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) yang pertama didirikan di Medan adalah lembaga pendidikan yang bersifat formal. Setelah 10 tahun berdirinya Madrasah Islamiyah Tapanuli (MIT), kumpulan pelajar-pelajar yang berada ditahap akhir pengajian menubuhkan sebuah pertubuhan pelajar-pelajar yang disebut dengan *Debating Club* (kelompok pembahas).²⁶

Selanjutnya, untuk menyatukan konflik yang terjadi di dalam masyarakat dari aspek masalah *furu' Syariat* (hukum fikah), maka para pelajar Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) dan guru-guru serta para ulama di Medan dan sekitarnya membuat suatu organisasi al-Jam'iyatul Washliyah. Organisasi ini berperanan dalam usaha menyatukan perbezaan pandangan antara ulama tua dan ulama muda.²⁷

Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah dari aspek pendidikan untuk mencerdaskan Belia Bangsa dan Negara. Hal ini, terbukti melalui sumbangan al-Jam'iyatul Washliyah dalam membangun institusi-institusi pendidikan serta hubungan luar al-Jam'iyatul Washliyah sehingga ke peringkat Antarbangsa. Maka, jelaslah bahawa misi penubuhan al-Jam'iyatul Washliyah sebagai organisasi Islam yang bertujuan:

1. Menegakkan amar ma'ruf nahi munkar.
2. Menguruskan fakir miskin dan anak yatim, serta memelihara dan mendidik mereka.
3. Membangunkan lembaga pendidikan agama dan umum.
4. Melaksanakan kegiatan ekonomi.

²⁶ *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (1955), op. cit., h. 35-36.*

²⁷ *Ibid., h. 36.*

5. Meningkatkan sumber tenaga manusia.
6. Melaksanakan majlis ta'lim, tazkirah dan lain-lain.
7. Ikut serta mewujudkan negara aman dan damai.
8. Mengadakan, memperbaiki dan memperkuat persaudaraan umat Islam dalam Negara dan luar Negara.²⁸

Dalam merealisasikan misi tersebut di kalangan masyarakat, maka wujudlah suatu institusi pendidikan yang bermula daripada sekolah Tadika (Taman Didikan Kanak-kanak) sehingga institusi tinggi. Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah memberi penekanan baik dari aspek pendidikan yang bercorak agama mahupun umum. Di samping itu, kajian terhadap kitab-kitab klasik dan kitab-kitab kontemporari. Hal ini untuk mengikuti perkembangan zaman dalam dunia pendidikan.

Kurikulum institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah banyak dipengaruhi kurikulum Timur Tengah (pendidikan agama yang memakai sistem hafazan). Namun, pada akhir-akhir ini kurikulum pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah disesuaikan dengan kurikulum Kementerian Agama, Kementerian Pendidikan Nasional dan Majlis Pendidikan dan Kebudayaan al-Jam'iyatul Washliyah.²⁹

Para tokoh yang termasyhur ialah Hj. Udin Syamsuddin (1907), Hj. Arsyad Thalib Lubis (1908-1972), Hj. Ismail Banda (1910-1951), Hj. Abdurrahman Syihab (1910-1955) dan Hj. Adnan Lubis (1910-1966). Mereka merupakan antara barisan

²⁸ *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Wasliyah* (1997), *op. cit.*, Bab III, fasal 6, tentang Usaha, h. 5-6.

²⁹ Ahmad Hamim Azizy (2006), *Al-Jam'iyatul Washliyah Dalam Kancah Politik Indonesia*, Banda Aceh: Yayasan Pena, h. 104.

pengasas al-Jam'iyatul Washliyah dilanjutkan dari generasi ke generasi sehingga sekarang.³⁰

Perjuangan mereka telah membuahkan hasil yang positif, di mana penerimaan masyarakat terhadap organisasi ini begitu menggalakkan. Selanjutnya, mereka giat mendirikan madrasah-madrasah walaupun sederhana. Mereka terlebih dahulu meninjau lokasi tersebut dengan bantuan masyarakat. Begitu juga, mereka membangun madrasah-madrasah al-Washliyah dengan meminjam kerusi-kerusi sekolah dan keperluan yang lain daripada masyarakat.

Antaranya madrasah yang telah didirikan ialah; Madrasah al-Washliyah di Jalan Denai (Medan), Gang Damai (Medan), Kampung Suka Mulia (Medan), Madrasah Tanjung Morawa, Madrasah Bandar Dolog (Lubuk Pakam) dan madrasah yang lain di Medan dan di sekitarnya.³¹ Adapun alasan penulis (penyelidik) memilih organisasi al-Jam'iyatul Washliyah dalam tesis ini, kerana organisasi ini memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Islam di Medan sejak tertubuhnya al-Washliyah hingga sekarang.

Jika dilihat huraian di atas jelaslah kehadiran al-Jam'iyatul Washliyah yang ditaja oleh pelajar-pelajar Maktab Islamiyah Tapanuli (MIT) berusaha mempersatukan gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh Muhammadiyah dengan masyarakat demi untuk mempersatukan umat Islam. Lembaga pendidikan Maktab

³⁰ *Debat Islam - Kristen Tentang Kitab Suci*, Perdebatan Antara Al-Ustaz H.M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristen dr. Sri Hardono (2002), cet. II, Jakarta: Majlis Da'wah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 28. Untuk mengenal riwayat hidup mereka lihat buku Ahmad Hamim Azizy (2006), Chalidjah Hasanuddin (1988), Saiful Akhyar Lubis, (2008). Menurut Chalidjah Hasanuddin, beliau menyatakan dari semua tokoh-tokoh pengasas berdirinya al-Jam'iyatul Washliyah yang paling berjasa besar pengembangan dan kemajuan organisasi tersebut pada masa Abdurrahman Syihab, Udin Syamsuddin dan Arsyad Thalib Lubis. Lihat Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 60

³¹ *Bulan Sabit Berbintang Lima Dalam Kenangan Hidup H. Djalaludin Lubis* (1979), Medan: Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 70.

Islamiyah Tapanuli (MIT) merupakan lembaga pendidikan formal yang berdiri di Medan, Sumatera Timur (Sumatera Utara).

Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah berjasa besar dalam memajukan pendidikan Islam dengan menyatupadukan pendidikan agama dan umum mengikut perkembangan zaman. Hal ini berkat perjuangan tokoh-tokoh Al-Jam'iyatul Washliyah terdahulu.

1.2. Latar Belakang Tempat Kajian

1.2.1. Letak Geografi

Latar kajian penulis dari aspek geografi, terletak di Medan yang merupakan salah satu bandar di daerah Sumatera Utara. Sumatera Utara merupakan sebuah daerah yang terletak di Pulau Sumatera, bersempadan dengan Aceh di sebelah Utara dan dengan Sumatera Barat serta Riau di sebelah Selatan. Daerah Sumatera Utara ini terletak pada 1°-4° Lintang Utara dan 98°-100° Bujur Timur, luas daratan daerah Sumatera Utara 71.680 km². Kepadatan penduduk Sumatera Utara pada tahun 1990 adalah 143 jiwa per km² dan pada tahun 2002 meningkat menjadi 165 jiwa per km².

Sedangkan kadar peningkatan pertumbuhan penduduk Sumatera Utara selama kurun waktu tahun 1990-2000 adalah 1.20% per tahun. Daripada daerah inilah sebuah bandar yang bernama "Medan" itu berada. Di mana Medan memiliki kedudukan strategik sebab bersempadan langsung dengan Selat Melaka dibahagian Utara, sehingga relatif dekat dengan bandar-bandar atau negara- negara jiran seperti Pulau Pinang (Malaysia), Singapura dan lain-lain.³²

³²<http://www.pemkomedan.go.id-2000-2005>.

1.2.2. Secara Demografi

Secara demografi, Bandar Medan dikatakan memiliki kepadatan penduduk yang tinggi. Hal ini tidak terlepas dari jumlah penduduknya yang relatif besar di mana tahun 2000-2010 jumlah penduduknya telah mencapai 2.102.105, dengan jumlah lelaki 1.039.707 dan perempuan 1.062.398.³³

1.2.3 Kemudahan Ekonomi

Secara ekonomi terdapat dua aktiviti struktur ekonomi iaitu ekonomi tradisional dan ekonomi moden. Ekonomi tradisional ke ekonomi moden didominasi oleh sektor-sektor skunder, khususnya industri pengolahan dengan *increasing return to scale* (relasi positif antara pertumbuhan keluar dan pertumbuhan produktiviti) yang dinamis sebagai mesin utama pertumbuhan ekonomi.

Sedangkan jika dilihat dari segi keadaan sosialnya, Bandar Medan terbahagi menjadi beberapa bahagian iaitu pendidikan, kesihatan, kemiskinan, keamanan dan ketertiban. Sedangkan agama dan lain-lain merupakan faktor utama dan pendorong bagi pertumbuhan ekonomi Bandar Medan. Kewujudan kemudahan pendidikan, kesihatan, dan kemudahan lainnya, merupakan kemudahan yang wajib bagi masyarakat untuk mendapat hak asasi mereka sebagai masyarakat dari aspek pendidikan, kesihatan, serta hak sosial lainnya.³⁴

³³Badan Pusat Statistik (BPS), Medan dalam angka, projeksi penduduk 2000-2010. h. 38.

³⁴<http://www.pemkomedan.go.id-2000-2005>

1.2.4 Kemudahan Pendidikan

Kemudahan pendidikan seperti sekolah rendah sehingga ke institusi pengajian tinggi yang terdapat di Medan (Sumatra Utara).

Jadual 1.1. Rajah Jenis Dan Jumlah Pendidikan Di Medan.

| NO | Jenis Pendidikan | Jumlah |
|-----------|---|---------------|
| 1 | Tadika | 277 |
| 2 | Madrasah Ibtida'iyah (MI) | 44 |
| 3 | Sekolah Dasar (SD) | 797 |
| 4 | Madrasah Tsanawiyah (MTs) | 68 |
| 5 | Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) | 335 |
| 6 | Madrasah Aliyah (MA) | 29 |
| 7 | Sekolah Menengah Tingkatan Atas Dan Kejuruan | 324 |
| 8 | Sekolah Tinggi (ST) | 32 |
| 9 | Universiti | 20 |

Sumber: Dinas Pendidikan Daerah Sumatera Utara 2007

Dari rajah di atas, jelaslah bahawa pendidikan di Bandar Medan bermula daripada peringkat Tadika, Madrasah Ibtida'iyah (MI), Sekolah Dasar (SD), Madrasah Tsanawiyah (MTs), Sekolah Tanjutan Tingkat Pertama (SLTP), Madrasah Aliyah (MA), Sekolah Menengah Tingkatan Atas (SMTA) dan Kejuruan, Sekolah Tinggi (ST), Universiti yang dikelola atau ditadbir oleh jabatan pendidikan kerajaan dan pihak swasta.

Dari data yang diperoleh daripada Dinas Pendidikan Daerah Sumatera Utara, bahawa di Bandar Medan terdapat pendidikan Tadika yang dimiliki oleh kerajaan

sebanyak 2 unit, milik swasta 275. Madrasah Ibtida'iyah (MI) di bawah kerajaan sebanyak 12, milik swasta 32. Sekolah Dasar (SD) milik kerajaan sebanyak 405 , milik swasta 392. Madrasah Tsanawiyah (MTs) milik kerajaan sebanyak 3, milik swasta 65 unit. Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) milik kerajaan sebanyak 45 unit milik swasta 290. Madrasah Aliyah (MA) milik kerajaan sebanyak 3, milik swasta 26 .

Sedangkan, Sekolah Lanjutan Tingkatan Atas (SLTA) milik kerajaan sebanyak 21unit, milik swasta 170. Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) milik kerajaan sebanyak 12, milik swasta 121 . Sekolah Tinggi (ST) sebanyak 32 , dan lembaga Universiti sebanyak 20, milik kerajaan sebanyak 4 sedangkan milik swasta sebanyak 16 (masing-masing 11 Universiti umum dan 5 Universiti Islam.

1.3. Pengertian Tajuk

1. **Peranan** ialah; tugas yang di pegang atau rol.³⁵ iaitu tugas yang dipegang al-Jam'iyatul Washliyah dan usaha-usaha yang dilakukan dalam dunia pendidikan.
2. **Al-Jam'iyatul Washliyah;** ialah merupakan perkumpulan yang bersifat keagamaan yang didirikan oleh Abdurrahman Syihab beserta kawan-kawan seperti Ismail Banda, Udin Syamsuddin, Yusuf Ahmad Lubis, Arsyad Thalib Lubis dan lain-lain, pada tanggal 30 November 1930 di Medan. Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah bergerak dalam bidang pendidikan dan dakwah di kalangan masyarakat.³⁶

³⁵ *Kamus Dewan Bahasa* (2002), Edisi IV, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 208.

³⁶ *Al-Djamijatul Washlijah ¼ Abad* (1955), *op. cit.*, h. 36-38.

3. **Pendidikan Islam** adalah untuk mengembangkan potensi manusia kreatif berfikir, dimulakan adab dan pemindahan budaya.³⁷ Menurut Abdul Halim, beliau menyatakan bahawa pendidikan Islam ialah proses yang dilalui anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh seorang guru untuk mencapai tujuan membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran-ajaran Islam.³⁸ Menurut Abdul Halim El-Muhammady, beliau menyatakan, bahawa pendidikan Islam suatu pendidikan yang menghubungkan prinsip-prinsip mengenal tuhan, alam dan diri sendiri.³⁹ Manakala menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, bahawa pendidikan Islam ialah usaha seseorang untuk mempelajari pengetahuan dan berusaha untuk meningkatkan amalan diri melalui ilmu yang dipelajari, melatih diri untuk membentuk akhlak mulia dan terpuji dan menghindari dari sifat yang tidak baik untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.⁴⁰
4. **Medan** berasal dari perkataan Medan. Terdapat pelbagai pandangan antaranya, dari legenda Syair Puteri Hijau di mana peperangan antara kerajaan Deli Tua dengan kerajaan Aceh di suatu belantara yang tanahnya datar iaitu antara Labuhan Deli⁴¹ dengan Deli Tua yang menyebabkan kerajaan Deli Tua mengalami kekalahan dan banyak putera-puteri kerajaan tersebut yang gugur, kemudian ketika jenazah-jenazahnya mahu diambil dari “Medan peperangan” yang diambil dengan singkatan Medan sahaja. Dari sinilah kata Medan berasal. Dari sudut lain ada juga yang mengatakan

³⁷ *Jurnal Pendidikan Islam* j.9, Bil 4 November 2001, Kuala Lumpur: Institute Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI), h. 4.

³⁸ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam Dan Demokrasi Pendidikan*, cet. I, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 44.

³⁹ Abdul Halim EL-Muhammady (1994), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, cet. I, Kuala Lumpur: Persatuan bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 13.

⁴⁰ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, cet. 1, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia, h. 9.

⁴¹ Kecamatan (Distrik) Medan Labuhan, Bandaraya Medan, Daerah Sumatera Utara.

bahawa Medan berasal dari Bahasa India iaitu “Meiden” yang ertinya tanah datar, kemudian berubah loghat berdasar lidah Melayu, dan jadi kata ‘Medan, berubah menjadi Bandar Medan dan jadilah kata Medan.⁴² Menurut pendapat lain, kata Bandar Medan dalam bahasa Melayu bererti tempat berkumpul.⁴³ Tapi mengikut pandangan secara umumnya, asal kata Medan adalah kerana peperangan tentera kerajaan Aceh dengan kerajaan Deli Tua.⁴⁴ Pada abad 15M, di Bandar Medan. Sesuai dengan kisah dongeng yang popular di kalangan masyarakat Sumatera Timur ini. Dalam pada itu Bandar Medan adalah tempat peperangan antara kerajaan Aru, Aceh, Contra portugis dan Johor, jadi terkenal tempat itu Medan bermaksud medan peperangan, inilah agaknya yang besar kemungkinan asal nama Bandar Medan itu.⁴⁵

5. Sumatera Utara adalah merupakan kawasan (wilayah) yang meliputi Sumatera Timur dan Tapanuli.⁴⁶ Kawasan **Sumatera Timur** meliputi Langkat, Deli Serdang, Asahan, Labuhan Batu, Binjai, Medan, Tebing Tinggi, Tanjung Balai, Karo, Simalungun.⁴⁷ Adapun Kawasan Tapanuli terdiri dari **Tapanuli Selatan** yang meliputi Padang Lawas Utara, Padang Lawas, Mandailing Natal dan Padang Sidempuan. Kawasan **Tapanuli Tengah** meliputi Sibolga, Nias, Nias Selatan, Tapanuli Tengah. Adapun **Tapanuli Utara** meliputi Kawasan Kabupaten Samosir, Toba Samosir dan Humbang Hasundutan.⁴⁸

⁴² Dada Meuraxa (1973), *op. cit.*, h. 50-52.

⁴³ Tengku Luckman Sinar (1991), *Sejarah Medan Tempoe Doeloe*, Medan: T.P, h. 53.

⁴⁴ Deli Tua pusat kerajaan Haru pada abad 15 M, abad tersebut Bandar Medan sudah wujud, kerajaan Haru telah dibakar oleh Portugis pada tahun (1523) untuk keterangan lanjut. Lihat: Dada Meuraxa (1973), *op. cit.*, h. 22.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 52-53.

⁴⁶ Pantra (1969), *op. cit.*, h. 109.

⁴⁷ Lah Husni (1975), *Lintasan Sejarah Peradaban Dan Budaya Penduduk Melayu-Pesisir Deli Sumatera Timur* (1612-1950), Medan: BP. Husny, h. 7.

⁴⁸ Sumber: http://www.Republika.co.id/koran/0/29514/bibit_konflik_Warisan_Belanda.

1.4. Rumusan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, penulis merumuskan beberapa rumusan masalah kajian iaitu:

1. Bagaimana proses tertubuhnya lembaga pendidikan Islam di Sumatera Timur?
2. Bagaimana sejarah tertubuhnya al-Jam'iyatul Washliyah?
3. Siapakah tokoh-tokoh yang terlibat dalam mengasaskan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah?
4. Sistem apakah yang digunakan pada pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah?
5. Bagaimana peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam meningkatkan pendidikan Islam di Medan?

1.5. Objektif Kajian

Penulis menetapkan beberapa objektif kajian yang ingin dicapai di dalam kajian kali ini iaitu

1. Mengkaji sejarah penubuhan lembaga pendidikan Islam di Sumatera Timur.
2. Untuk mengetahui serta menghuraikan sejarah tertubuhnya al-Jam'iyatul Washliyah di Medan
3. Untuk mengetahui secara terperinci mengenai tokoh-tokoh yang terlibat dalam mendirikan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah di Medan.
4. Untuk mengetahui bagaimana sistem pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah di Bandar Medan.
5. Untuk mengetahui peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam di Bandar Medan.

1.6. Skop Dan Batasan Kajian

Berdasarkan kajian dengan tajuk yang penulis jadikan kajian iaitu: *Peranan Al-Jam'iyatul Washliyah Dalam Pendidikan Islam Di Medan, Sumatera Utara*. Maka perlulah kiranya memberi batasan dan ruang lingkup kajian supaya kajian yang ditulis terfokus dan terarah agar dapat memberikan hasil yang memuaskan.

Dalam kajian ini, penulis hanya memfokuskan terhadap peranan alJam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam di Medan (Sumatera Utara) pada peringkat Prasekolah (Tadika), Ibtida'iyah, Sekolah Dasar (SD), Tsanawiyah, Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP), Aliyah atau al-Qismul 'Aly, Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA), Sekolah Menengah Kejuruan (SMK), dan juga Universiti-Universiti yang ditubuhkan oleh al-Jam'iyatul Washliyah.

Kajian ini dilakukan di daerah tertubuhnya al-Jam'iyatul Washliyah dengan mengambil kira latar belakang sejarah tertubuhnya al-Jam'iyatul Washliyah serta perkembangannya dan peranannya dalam pengembangan dan meningkatkan pendidikan Islam khususnya di Medan.

1.7. Kepentingan Kajian

Penulis mempunyai beberapa kepentingan dalam kajian ini iaitu memberikan maklumat berdasarkan huraian di atas, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan sebagaimana berikut:

1. Kajian ini penting kerana memberi maklumat mengenai sistem pendidikan Islam di Sumatera Timur
2. Kajian ini berguna untuk diketahui sejarah tertubuh al-Jam'iyatul Washliyah dan mengenal tokoh-tokoh yang ikut mengasaskan berdirinya al-Washliyah.
3. Dapat mengkaji sistem pendidikan yang digunakan al-Jam'iyatul Washliyah di Bandar Medan (Sumatera Utara).
4. Dapat diketahui peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam dunia pendidikan di Bandar Medan.
5. Dapat memberikan informasi kepada masyarakat awam khususnya masyarakat Sumatera Utara mengenai peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam bidang pendidikan Islam dan menambah khazanah intelektual kepada ahli akademik sebagai bahan rujukan dan bahan perbandingan bagi meningkatkan pendidikan Islam di Bandar Medan.

1.8. Tujuan Penyelidikan

Dalam kajian ini penulis menghuraikan beberapa tujuan daripada penyelidikan iaitu:

1. Kajian ini penting kerana memberi maklumat tentang pendidikan Islam di Sumatera Timur.
2. Kajian ini berguna di kalangan para pendidik, masyarakat, dan untuk

mengetahui maklumat dan mengenali latar belakang sejarah tertubuhnya al-Jam'iyatul Washliyah.

3. Untuk menjelaskan peranan tokoh-tokoh al-Jam'iyatul Washliyah dan sumbanganya terhadap pendidikan Islam di Medan.
4. Kajian sejarah ini berguna untuk dijadikan bahan perbandingan para ahli akademik dan para pendidik dalam masalah pendidikan Islam.
5. Kajian ini penting dibahas, kerana ia untuk memberi maklumat mengenai peranan yang dimainkan oleh al-Jam'iyatul Washliyah khasnya dalam bidang pendidikan dan perkembangannya pada masa kini.

1.9. Kajian Lepas

Dalam penulisan kajian ini, setelah penulis menyelidiki dan mengkaji data-data yang ada untuk mendapatkan maklumat terhadap kajian yang berkenaan dengan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah. Maka penulis mendapatkan beberapa kajian yang berhubungan dengan pendidikan tersebut. Dalam hal ini, penulis membahagikan kepada dua kelompok seperti berikut: *Pertama*, kajian yang berhubungan dengan disertasi dan tesis:

1. Dalam disertasi yang bertajuk *Pengajian Hadist Di Indonesia: Suatu Kajian Di Madrasah al-Jam'iyatul Washliyah di Medan Sumatera Utara*. Yang ditulis oleh Ismael Hj. Abdul Karim dari Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadis Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur 2004. Dalam disertasi tersebut, Ismael Hj. Abdul Karim telah menjelaskan tentang sejarah tertubuhnya, struktur organisasi, corak kurikulum, tenaga pengajar, majlis dan jumlah pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah

seluruh Indonesia, pengkhususan dibuat terhadap kurikulum pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah di Madrasah al-Qismu'Aly.

2. Dalam disertasi yang bertajuk: *Al-Jam'iyatul Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Di Indonesia* penulis Syamsuddin Ali Nasution, Fakultas Sastra Dan Sains Sosial Universitas Malaya Kuala Lumpur 1999, program Ph.D Dalam disertasinya, Syamsuddin Ali Nasution menghuraikan peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam dakwah Islam dengan menggunakan dua metode iaitu ; metode lisan melalui dakwah (melalui ceramah, pengajian, kursus da'i, pengajaran khutbah jum'at) dan metode tulisan yang melalui majalah, penerbitan buku dan buletin.

Kedua, kajian yang berhubungan dengan tulisan dalam bentuk cetakan, seperti buku berikut ini:

1. Chalidjah Hasanuddin (1988), dalam bukunya yang bertajuk: *Al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam*. Beliau menjelaskan terhadap sejarah berdirinya al-Jam'iyatul Washliyah dan struktur organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, mengenai perjuangan pendakwah al-Washliyah dalam mengislamkan masyarakat tanah Batak melalui pendidikan dan dakwah serta pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di Sumatera Utara khususnya.
2. M. Hasballah Thaib (1993) menulis tentang *Universitas Al-Washliyah Medan, Lembaga Pengkaderan Ulama Di Sumatera Utara*. Dalam bukunya, beliau menjelaskan sejarah berdirinya al-Jam'iyatul Washliyah di zaman penjajahan, struktur organisasi dan jumlah institusi al-Jam'iyatul Washliyah secara umum dengan memfokuskan sejarah penubuhan Universitas Al-

Washliyah (UNIVA) di Medan, Sumatera Utara.

Melihat kajian di atas, akhirnya penulis melakukan penyelidikan yang berbeza dengan kajian-kajian terdahulu. Sehingga penulis mengkaji fenomena sistem pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah dari aspek pendidikan formal, tidak formal serta membahaskan falsafah pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah dalam arus Pendidikan Nasional dan Pendidikan Islam, begitu juga penyelidik meneliti kemudahan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah di Medan secara umum.

1.10. Metodologi Penyelidikan

Menurut Noeng Muhadjir menyatakan bahawa metodologi penyelidikan bermaksud ilmu yang mempelajari tentang metode-metode penelitian, ilmu tentang alat-alat dalam penelitian.⁴⁹ Metodologi berasal daripada bahasa Yunani (Greek), yang digabungkan dari *metode* dan *logos*. Adapun *metode* bermaksud cara, sedangkan *logos* mengandungi pengertian ilmu.⁵⁰

Menurut Imam Barnadib mengatakan metodologi iaitu ilmu yang mempelajari tentang cara penelitian.⁵¹ Jadi, kesimpulan metodologi ialah; suatu cara untuk menyelesaikan masalah yang dikaji agar mendapat hasil yang dikehendaki oleh penyelidik, dengan kata lain masalah yang hendak dikaji memenuhi sasaran yang dimaksudkan.

⁴⁹ Noeng Muhadjir (1996), *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Edisi III. Yogyakarta: Rake Sarasin, h. 4.

⁵⁰ Koentjaraningrat (ed) (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia, h. 16.

⁵¹ Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: FIP-IKIP, h. 51.

Dalam penyelidikan yang bertajuk *Peranan Al-Jam'iyatul Washliyah Dalam Pendidikan Islam Di Medan, Sumatera Utara*. Dalam hal ini guna membantu dan memudahkan penulis untuk memahami permasalahan yang dikaji, penulis telah menggunakan beberapa metode kajian iaitu:

1. Metode pengumpulan data.
2. Metode Analisis Data.

1.10.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data, penulis mendapatkan data yang berhubungan dengan kajian, samada sumber primer mahupun sumber sekunder. Dalam pengumpulan data itu, penulis menggunakan metode perpustakaan dan metode lapangan.

1. Metode Perpustakaan

Penulis melakukan kajian perpustakaan ini dengan menggunakan beberapa perpustakaan baik di Universiti-Universiti yang ada di Malaysia ataupun di Indonesia. Dalam hal ini, penulis menggunakan metode historis, dokumentasi iaitu:

a) Metode Sejarah (Historis)

Metode historis ialah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat yang sesuai dengan kajian ini dalam prosedur ilmiah.⁵² Metode historis amat penting bagi penulis untuk mengambil data-data mengenai latar belakang penubuhan dan tokoh-tokoh yang berperanan di al-Jam'iyatul Washliyah dalam

⁵² *Ibid.*, h. 52.

Pendidikan Islam di Medan, Sumatera Utara. Samada yang berbentuk tulisan seperti buku-buku yang membahas sejarah penumbuhan al-Jam'iyatul Washliyah.

b) Metode Dokumentasi

Bagi mendapatkan fakta dalam penyusunan disertasi ini, rujukan akan didapati melalui sumber primer iaitu *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Washliyah*. Ianya mengandungi peraturan dasar tentang nama organisasi, peringkat kepimpinan, dewan fatwa, majlis-majlis al-Washliyah dan lembaga pengambilan keputusan. Sumber primer lain adalah Surat Keputusan Pengurus Besar al-Jam'iyatul Washliyah yang mengandungi *Peraturan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Al-Washliyah*. Ianya mengandungi peraturan dasar sistem pendidikan al-Washliyah bermula dari peringkat tadika sampai ke peringkat menengah tinggi.

Sumber lainnya ialah *Al-Djamijatul Washlijah ¼ Abad*. Ianya membahas tentang sejarah berdirinya al-Washliyah, tokoh-tokoh pendiri dan institusi-institusi al-Jam'iyatul Washliyah. Adapun sumber skunder ialah; al-Qur'an, al-Hadis, Tesis, Artikel, Jurnal Ilmiah, laman Web dan lain-lain. Kesemua sumber itu diperlukan bagi mendapatkan maklumat berhubungan dengan tajuk yang dikaji penulis dalam penyelidikan ini.

2. Metode Lapangan

Dalam penulisan penyelidikan ini, penulis mengambil sumber data daripada lokasi dan tempat penelitian, penelitian ini dilaksanakan di Medan, kerana al-Jam'iyatul Washliyah berpusat di Medan. Untuk memudahkan proses mendapatkan

data, penulis menggunakan kaedah metode temubual, observasi (pemerhatian) dan soal selidik.

a. Metode Temubual

Dalam kaedah temubual, penulis mempersiapkan keperluan temubual yang merangkumi aspek teknikal dan keperluan lainnya. Antaranya soalan temubual, alat rakaman dan lain-lain. Penulis akan mengadakan temubual secara langsung dengan pihak Pengurus Wilayah (PW) Al-Washliyah dan orang-orang yang terlibat dalam organisasi al-Washliyah. Dalam temubual ini, penulis akan mengambil 10 orang untuk mendapatkan maklumat ini yang mana enam orang daripada Pengurus Wilayah (PW) al-Washliyah dan enam orang yang lain daripada orang-orang yang terbabit dalam organisasi al-Washliyah seperti pensyarah, guru dan pelajar.

b. Metode Observasi

Dalam hal ini, penulis mengadakan pengamatan langsung selama lebih kurang setahun lebih. Hal ini untuk mengetahui sejauh mana peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam di Medan, Sumatera Utara dengan lebih teliti. Untuk mendapatkan bukti-bukti yang sebenar, penulis terlebih dahulu mengunjungi Pengurus Majlis Pendidikan dan Kebudayaan al-Washliyah di Medan (Sumatera Utara) Jalan Sisingamangaraja Nombor 144 kod pos 20217, lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah yang terkenal di Medan (Sumatera Utara) seperti Universiti Al-Washliyah (UNIVA), Universiti Muslim Nusantara (UMN) dan Madrasah Al-Qismul'Aly

c. Metode Soal Selidik

Metode soal selidik ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian, untuk mendapat data-data tersebut. Penulis mempersiapkan senarai pertanyaan yang diajukan kepada responden sebanyak 300 orang yang terdiri daripada para pelajar, guru dan pengurus al-Washliyah. Soal selidik yang digunakan itu untuk mengetahui sejauh mana peranan organisasi al-Washliyah dalam meningkatkan pendidikan Islam di setiap sekolah-sekolah yang berada di dalam wadah organisasi al-Washliyah.

1.10.2. Metode Analisis Data

Setelah bahan-bahan primer dan sekunder itu terkumpul, penulis melakukan penyusunan, penilaian dan perhatian keseluruhan data yang didapati dengan menganalisis data tersebut, dalam kaedah pengumpulan data penulis membahagikan metode analisis data sebagai berikut dengan cara menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif.

1. Metode Induktif

Metode induktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.⁵³ Dalam penulisan ini, penulis menggunakan data-data yang bersifat khusus yang mana penulis akan mengambil data yang bersifat umum. Metode ini dapat memudahkan penyelidik untuk untuk melakukan penyelidikan langsung pada objek kajian. Hal ini supaya penulis dapat menjawab sejauh mana peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam di Medan, Sumatera Utara.

⁵³ Imam Barnadib, *op. cit.*, h. 52.

2. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah kaedah untuk menghuraikan hasil penyelidikan sehingga dapat diambil suatu kesimpulan yang boleh menggambarkan yang bersifat khusus daripada data yang bersifat umum. Dalam hal ini penulis membuat kesimpulan secara terperinci dan teliti untuk menghasilkan tujuan yang bermaksud mengenai peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam meningkatkan pendidikan Islam di Medan, Sumatera Utara.

3. Metode Komparatif

Metode Komparatif ialah metode untuk membandingkan beberapa sumber-sumber data yang dikumpulkan untuk di analisis data tersebut sehingga mendapat kesimpulan yang benar. Melalui metode komparatif, penulis telah mendedahkan perbandingan data-data yang diperolehi dan dianalisis dalam kajian yang sedang dilakukan. Dalam metode ini, penulis mengambil data-data dari sumber utama, tempat penelitian dan data sekunder yang berkaitan dengan buku, jurnal, majalah, artikel dan surat khabar. Hal ini supaya memudahkan penulis untuk membandingkan data-data yang tersebut di atas dengan teliti dan mengambil kesimpulan yang pasti mengikut data yang diperolehi oleh penulis.

1.11. Sistematika Penulisan

Dalam penulisan kajian, penulis membahagi kepada beberapa bab untuk lebih jelas lagi. Penulis memaparkan bahagian bab-bab seperti di bawah ini iaitu:

1. Dalam bab pertama adalah dimulakan dengan pendahuluan. Bab ini menjelaskan perkara-perkara yang akan di kaji secara ringkas, pendahuluan

yang terdiri daripada beberapa bahagian iaitu pengenalan, latar belakang masalah, pengertian tajuk, rumusan masalah, objektif kajian, skop dan batasan kajian, tujuan penyelidikan, kajian lepas, metologi kajian dan penulisan serta sistematika penulisan.

2. Bab kedua mengandungi sejarah masuknya Islam di Sumatera Timur, sistem pendidikan Islam di Sumatera Timur, penubuhan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah. Dalam bab ini juga membincangkan makna al-Jam'iyatul Washliyah, latar belakang sejarah berdirinya al-Jam'iyatul Washliyah sebagai organisasi kemasyarakatan, tokoh-tokoh yang termashyur sebagai pengasas berdirinya al-Jam'iyatul Washliyah, bidang aktiviti-aktiviti dan struktur organisasi al-Jam'iyatul Washliyah yang tertera dalam *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Washliyah*.
3. Bab tiga memuatkan kajian tentang penjelasan sistem pendidikan Islam di Medan, sistem pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah di bandar Medan, Sumatera Utara, yang tertera di dalam *Peraturan Pelaksanaan Sistem Pendidikan al-Washliyah Nombor: 666/PB-AW/XVIII/VI/1999* yang dikeluarkan di Jakarta.
4. Bab keempat menjelaskan peranan yang dimainkan oleh organisasi al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan nasional, pendidikan Islam dan masyarakat dalam hal pengabdian ulama-ulama, guru-guru, pelajar-pelajar dan alumni al-Jam'iyatul Washliyah. Menjelaskan masalah-masalah yang dihadapi institusi al-Jam'iyatul Washliyah yang paling dominan di Medan.
5. Bab lima yang merupakan bab terakhir dan penutup kajian, penulis memuatkan perbincangan yang merangkumi kesimpulan dan saranan atau cadangan.